

5 faktor kejayaan BN: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad memberikan lima faktor, termasuk kepemimpinan baru negara yang diketuai Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai menyumbang kepada kemenangan besar Umno dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum ke-11 yang lalu.

Faktor lain ialah penubuhan Puteri Umno, ketiadaan isu yang boleh dimainkan oleh Pas, pendekatan lama yang digunakan parti pembangkang berkenaan bagi meraih sokongan rakyat serta pengunduran beliau daripada kerajaan.

"Pas dok pasang rekod lama (iaitu) mengafirkan orang. Orang dah benci dengar. Itu juga menyebabkan Pas hilang sokongan," katanya pada majlis sambutan ulang tahun ke-10 penubuhan Umno Bahagian Cheras, di sini malam tadi.

Turut hadir isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Pengerusi Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua Umno Bahagian Cheras, Senator Datuk Syed Ali Alhabshee.

Dr Mahathir turut mengulangi beliau me-

ngundurkan diri daripada kerajaan kerana berpendapat sudah sampai masanya untuk Malaysia menukar kepemimpinan negara.

"Walau bagaimana baik pun kepemimpinan itu, lama-lama orang jemu juga. Jadi, eloklah kalau kita jangan dok lama-lama sangat. Bagi peluang pada orang lain sama.

"Kadangkala satu penggal cukup; Kalau nak lebih, dua penggal. Habis-habis sangat, tiga penggal," katanya disambut ketawa hadirin.

Beliau turut mengingatkan ahli Umno supaya memahami politik yang diamalkan negara ini untuk memastikan Umno terus menjadi parti relevan sepanjang masa.

Katanya, sikap Umno yang tidak tamak untuk bertanding di semua kerusi serta kesanggupan berkongsi kuasa dengan parti lain menyebabkan ia dihormati dan diterima sebagai ketua oleh anggota komponen BN.

"Inilah bukti keikhlasan Umno yang menunjukkan ia tidak ingin berebut kuasa untuk dirinya saja. Kadangkala kita terpaksa memberi juga tempat kita kepada parti komponen lain dan berkorban di kawasan kita.

"Ini kerana di tempat lain, pihak lain juga berkorban untuk kita dan memberi sokongan



DR MAHATHIR melancarkan Buletin Umno Cheras diperhatikan oleh Syed Ali pada Majlis Ulang Tahun Ke-10 penubuhan Umno Bahagian Cheras, malam tadi. - Gambar oleh Syamsi Suhaimi

kepada Umno," katanya.

Beliau berkata, jika ahli Umno tidak memahami politik yang diamalkan selama ini serta melihat penyertaan dalam parti hanya untuk mendapat tempat, Umno akan hilang seperti parti yang seusia dengannya di luar negara.

Katanya, banyak parti yang lebih tua dari-

pada Umno dan berjuang membebaskan negara daripada penjajahah menjadi tidak relevan dan hilang sokongan sebaik saja negara mencapai kemerdekaan.

"Jika asyik berebut selalu sangat pun, orang naik bosan juga. Umno 'akan jadi lemah dan luput sama sekali," katanya.